

# Bersyukur dapat rumah PPR

Dua bekas pegawai masjid LTSAAAS tarik nafas lega terima bantuan kediaman selesa

NOR AZIHAN MD GHAZALI

**PETALINGJAYA**—Dua bekas pegawai Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAAS), Subang mampu menarik nafas lega apabila mereka bakal mendiami rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2, dekat sini bermula semalam.

Kedua-duanya menerima rumah berkenaan daripada kerajaan persekutuan melalui Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar dalam satu majlis penyerahan kunci di rumah berkenaan petang semalam.

Pada majlis sama, Abdul Razak turut diberikan peluang menyewa kedai yang terletak di bahagian bawah PPR itu bagi membolehkan beliau menjalankan perniagaan makanan yang menjadi sumber pendapatannya selama ini.

Abdul Razak berkata, dia bersyukur apabila ada pihak yang sudi memberi rumah kepadanya dan keluarga untuk berteduh.

"Sebagai orang Islam saya

bersyukur, tidak kira siapa yang beri rumah sama ada kerajaan pusat atau negeri, ini adalah anugerah daripada ALLAH.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Adun Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan dan Menteri KPKT,

Tan Sri Noh Omar kerana ambil berat masalah yang kami alami," katanya yang tinggal di rumah pekarangan masjid yang dirobohkan sejak 24 tahun lalu.

Hadir sama, Adun Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan dan Ketua Umno Bahagian Kelana Jaya, Datuk Yusoff HM Haniff.

Terdahulu, rumah dan kedai miliknya dan seorang lagi bekas pegawai masjid, Yaakob Abdul, 63, telah dirobohkan Pejabat Tanah dan Daerah Petaling pada 4 Oktober lalu atas alasan ia dibina di atas tanah milik Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB).

Dalam pada itu, Abdul Razak yang juga bekas bilal di masjid LTSAAAS berkata, dia berhasrat berpindah ke ru-

mah berkenaan dalam tempoh masa terdekat.

"Kami akan pindahkan barangan asas seperti perabot yang masih berada di pekarangan masjid sejak kerja-kerja perobohan pada 4 Oktober lalu ke sini terlebih dahulu.

"Manakala peralatan berniaga masih ditempatkan di sana kerana saya berhasrat untuk meneruskan perniagaan makanan 'sup gadai myawa' di pekarangan masjid selagi Mahkamah Rayuan belum membuat keputusan," katanya.

Pada masa sama, beliau mengakui apa yang berlaku mempunyai hikmah yang hanya ALLAH sahaja yang tahu.

"Sebenarnya dua hari sebelum rumah saya dan Yaakob dirobohkan, Adun Kota Damansara sudah menawarkan rumah PPR kepada kami dengan membawa borang untuk diisi.

"Beliau khuatir kami akan kehilangan rumah jika benar kerajaan negeri melaksanakan kerja-kerja meroboh rumah.



Noh (dua, kiri) menyerahkan kunci dan surat kepada dua bekas pegawai masjid LTSAAAS masing-masing Abdul Razak (dua, kanan) dan Yaakob (kanan) pada masjid penyerahan kunci rumah PPR Lembah Subang 2, semalam.

"Padahal wakil rakyat itu sudah menghantar surat rayuan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling agar memberi tempoh masa sebulan lagi kepada kami untuk memindahkan barangan," katanya.

Bagaimanapun, jelasnya, dia kecewa apabila permohonan oleh wakil rakyat itu ditolak, lebih menyedihkan apabila kediamannya diroboh tanpa diberikan sebarang pampasan.

Sementara itu, Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang berkata, kedua-dua rumah yang mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air di tingkat satu PPR ini diharapkan memberi keselesaan kepada kedua-dua keluarga itu bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Menurutnya, rumah berkenaan berkonsepkan *rent to own* dan buat sementara waktu kedua-dua keluarga itu dibenarkan mendiami

rumah berkenaan tanpa sebarang sewa dikenakan.

"Bila kehidupan mereka sudah stabil dan suasana kembali pulih, barulah mereka boleh bayar sewa pada harga RM225 sebulan.

"Sudah menjadi tanggungjawab kerajaan persekutuan membantu rakyat yang berhadapan masalah kediaman, berbeza dengan kerajaan negeri yang hanya reti bercakap namun tak boleh nak bantu," katanya.